

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

UNDI TERBESAR BN SELAYANG

KUALA LUMPUR. — Kelebihan undi yang paling tinggi dalam pilihanraya umum kali ini dicatat oleh Puan Rahmah Othman, calon Barisan Nasional kerusi Parlimen Selayang dengan kelebihan 30,909 undi.

Puan Rahmah yang juga Ahli Exco Pergerakan Wanita UMNO bertanding pada pertama kali dalam pilihanraya umum.

Bellau memperoleh 51,353 undi, mengalahkan Encek Lee Yee Lian (DAP) yang memperoleh 20,444 undi dan calon PAS, Encek Khalid Siri hanya dapat 5,081 undi. Encek Khalid hilang wang pertaruhannya.

Kelebihan undi paling kecil bagi kerusi Parlimen pula ialah di

Rantau Panjang, Calon PAS, Encek Hassan Haji Mohamed mengalahkan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Hussein Ahmad dengan kelebihan hanya 417 undi.

Bagi kerusi Negeri pula, kelebihan undi yang paling tinggi diperolehi oleh Timbalan kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Ahmad Razali Ali bagi kerusi Ampang dengan 24,992 kelebihan undi.

Kelebihan

Datuk Ahmad Razali membolot 29,348 undi, mengalahkan calon PAS, Haji Abdul Karim Jamal yang mendapat 4,356 undi dalam pertandingan satu lawan satu. Haji Abdul Karim hilang wang pertaruhannya.

Kelebihan undi pa-

ling kecil bagi kerusi Negeri pula ialah Tanah Rata di Pahang bila calon Barisan Nasional, Encek M. Sangralingam mendapat kelebihan hanya 38 undi.

Bellau yang memungut 3,432 undi hampir tewas di tangan pencabarnya, Encek Poon Man Kem (DAP) yang memperoleh 3,394 undi.

Juga mengalami kelebihan undi yang kecil ialah Petaling Jaya dan Kepadang di Perak, jika dibandingkan dengan bilangan pengundinya yang ramai.

Calon BN, Encek Soong Siew Hoong mengalahkan lawannya, Encek Tai Sin Pian (DAP) dengan kelebihan hanya 311 undi.

Encek Soong memperoleh 21,961 daripada

jumlah 44,300 undi, manakala Encek Tai mendapat 21,650 undi.

Pada keseluruhan, majoriti undi bagi calon-calon pembangkang yang terpilih adalah berkurangan.

Merosot

Pemerhati pemerhati berpendapat pindah undi kepada Barisan Nasional disebabkan kempen yang tidak mengenal penat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalannya Datuk Musa Hitam dan lain-lain pemimpin parti itu.

Kedua-dua Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa menjelaskan ke seluruh pelosok tanah air untuk menerangkan kepada rakyat dasar-dasar

pentadbiran baru semasa tempoh berkempen selama dua minggu.

Umum merasakan sebahagian besar daripada sejumlah 6.1 juta pengundi yang begitu yakin dengan berbalik perubahan besar yang dilaksanakan oleh pentadbiran 2M sejak mengambil alih teraju negara sembilan bulan yang lalu telah memberikan mandat baru itu.

Satu lagi faktor yang mungkin menyebabkan kekalahan teruk pihak pembangkang, terutama DAP dan PAS ialah perasaan "tamak" bagi mendapatkan sebarang kerusi yang dimenangi oleh DAP, kejayaan itu bukanlah disebabkan oleh pakatan tersebut tetapi kerana faktor-faktor lain. — Bernama.

kan pula tokoh-tokoh lama dari kawasan berkenaan ke kawasan baru.

Akibat tersilap langkah itu, kata seorang pemerhati politik, kedua-dua parti pembangkang itu kerugian besar seperti kata pepatah "yang dikejar tak dapat, yang dikedung berciciran."

Begitu juga halnya dengan "pakatan jahat" PAS-DAP yang tidak menulurkan sebarang hasil. Dari sejumlah 25 kerusi Parlimen dan 32 kerusi Negeri yang melaksanakan strategi itu, tidak satu pun mendatangkan faedah.

Di Triang, satu daripada kerusi-kerusi yang dimenangi oleh DAP, kejayaan itu bukanlah disebabkan oleh pakatan tersebut tetapi kerana faktor-faktor lain. — Bernama.